

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**KAWASAN : TELOK KEMANG**  
**TARIKH : 24 MEI 2016, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) sejauh manakah konsep 'Industrialised Building Systems' (IBS) yang bermula pada tahun 2003 yang merupakan 'Blue Print' sektor pembinaan Malaysia dapat mencapai objektif dan sasarannya; dan
- (b) berapakah jumlah unit rumah yang telah berjaya dibina menggunakan sistem ini semenjak tahun 2010.

## **JAWAPAN:**

(Jawapan a & b)

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan Sistem Pembinaan Berindustri atau IBS diperkenalkan oleh Kerajaan ialah untuk meningkatkan produktiviti pembinaan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing.

Antara kebaikan penggunaan kaedah IBS ialah ia dapat mempercepatkan tempoh masa pembinaan, meningkatkan kualiti binaan dan dapat mengurangkan bilangan pekerja di tapak pembinaan. Ini sekali gus akan menjadikan tapak pembinaan lebih bersih, selamat dan terkawal. Terdapat 5 jenis IBS yang digunakan secara meluas di Malaysia iaitu kaedah pasang siap, panel dan sistem kekotak; kaedah acuan keluli; kaedah kerangka keluli, kaedah kerangka kayu dan kaedah kerja blok.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini penggunaan IBS masih berada pada tahap rendah di mana kurang daripada 24% projek Kerajaan menggunakan komponen IBS bagi pembinaan bangunan Kerajaan dan 14% bagi projek pembinaan bangunan swasta. Ini berdasarkan kepada kajian persampelan yang dibuat oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau CIDB pada tahun 2014. Sehubungan itu bagi meningkatkan tahap penggunaan IBS di kalangan projek-projek Kerajaan dan swasta, Kementerian Kerja Raya melalui CIDB telah mengadakan beberapa sesi konsultasi dengan pihak industri pembinaan mengenai pelaksanaan IBS di negara ini.

Dalam sesi-sesi tersebut, pihak industri pembinaan telah bersetuju untuk menggunakan kaedah IBS dalam pelaksanaan projek mereka dengan menetapkan projek bernilai RM50 juta dan ke atas diwajibkan mencapai 50 skor IBS mulai tahun 2017. Mekanisme pelaksanaan ini adalah melalui arahan kelulusan perintah pembangunan ('development order' - DO) di bawah

tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. Melalui cadangan ini, nilai skor IBS akan ditetapkan sebagai salah satu syarat wajib dalam memberi kelulusan 'development order'.

Di samping itu bagi tujuan untuk mempertingkatkan penggunaan IBS dalam industri pembinaan di negara ini, Kerajaan juga antara lain telah bersetuju seperti berikut:

- (1) Menetapkan koordinasi modular dijadikan sebagai piawaian dalam reka bentuk projek IBS;
- (2) Meningkatkan kadar levi bagi pekerja asing tidak mahir;
- (3) Menambah dan meluaskan kemudahan pinjaman kewangan kepada kontraktor IBS melalui Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK) bagi projek Kerajaan yang dilaksanakan oleh JKR;
- (4) Mewajibkan surat ikatan penyerahan hak antara kontraktor dengan pembekal IBS bagi projek Persekutuan yang dilaksanakan secara IBS;
- (5) Memperkenalkan modul IBS dalam silibus 'Technical Vocational Education and Training' (TVET); dan
- (6) Mewajibkan pengiklanan tender projek IBS Kerajaan dengan pengkhususan bidang IBS.

Akhir sekali, sebagai salah satu agenda nasional, Kerajaan menjangkakan sektor pembinaan melalui kaedah IBS di negara ini akan berkembang dengan lebih pesat setelah keputusan untuk mewajibkan penggunaan kaedah IBS dalam projek-projek Kerajaan dan swasta. Di samping itu pelbagai insentif juga yang telah ditawarkan Kerajaan seperti pengecualian levi kepada pemaju perumahan yang menggunakan lebih daripada 50 skor IBS dan juga meluluskan program Dana Promosi IBS sebanyak RM500 juta sebagaimana yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2016 lalu.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN : 69**

**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berapakah jangkaan kemalangan akan dikurangkan dengan tambahan pemasangan 1200 AES dan berapakah jangkaan pendapatan sampingan Kerajaan daripada kutipan kompaun yang dikenakan. Dalam 1200 AES, berapakah yang akan dipasang di Sarawak.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan analisis yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang telah dipasang kamera AES, adalah didapati kemalangan maut bagi tempoh lapan bulan sebelum pelaksanaannya telah menurun daripada 19 kes kepada 12 kes bagi tempoh lapan bulan selepas pelaksanaannya. Ini bermakna pelaksanaan AES ini telah berjaya mengurangkan sebanyak tujuh kes kemalangan maut bersamaan 36.84% bagi tempoh lapan bulan sahaja. Ingin ditekankan di sini bahawa komitmen Kerajaan melalui pelaksanaan AES adalah untuk menangani isu kemalangan jalan raya melalui perubahan sikap pengguna jalan raya agar sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan. Sehubungan itu, pertanyaan berhubung jangkaan pendapatan daripada kutipan kompaun di sebalik pelaksanaan AES adalah tidak berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira keberkesanan pelaksanaan AES dalam meningkatkan *Perception of Being Caught* (POBC), Kerajaan akan terus melaksana dan memperluaskan pemasangan kamera AES dari semasa ke semasa. Pemasangan kamera AES akan dilakukan di lokasi *Accident Prone Area* (APA) dan kawasan berisiko tinggi yang dikenalpasti dan ditentusahkan oleh MIROS. Dalam masa yang sama, pandangan orang ramai di peringkat akar umbi termasuk Negeri Sabah dan Sarawak akan diambil kira dalam menentukan lokasi pemasangan kamera sebagai suatu langkah *engagement* Kerajaan untuk melibatkan orang ramai dengan usaha mempertingkatkan aspek keselamatan jalan raya.